MOH/F/FAR/ 166.25 (GU)-e

Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

GARIS PANDUAN KAUNSELING UBAT-UBATAN

EDISI KEEMPAT

2025

Edisi Keempat (Julai 2025)

Penerbit :

Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia
Lot 36, Jalan Profesor Diraja Ungku Aziz,
46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
603 – 7841 3200
www.pharmacy.gov.my

MOH/F/FAR/166.25(GU)-e

A-GU-35/2

Hakcipta Terpelihara.

Pertanyaan hendaklah ditujukan kepada alamat di atas. Tiada bahagian penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem dapatan semula, atau dihantar, dalam apa jua bentuk atau dengan apa-apa cara, elektronik, mekanikal, rakaman, atau sebaliknya, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit.

Edisi ini dihasilkan selepas menilai bukti terkini pada masa pembangunan. Setiap penyedia penjagaan kesihatan bertanggungjawab untuk membuat penilaian klinikal yang sesuai dengan mempertimbangkan keadaan setiap pesakit ketika berjumpa berdasarkan pilihan rawatan yang tersedia di tempat tempatan.

PRAKATA

Kaunseling ubat-ubatan merupakan salah satu aspek penting dalam perkhidmatan farmasi, di mana pesakit diajar mengenai cara pengambilan, penyimpanan ubat, serta penggunaan peranti perubatan seperti inhaler dan insulin pen. Selain itu, maklumat tentang interaksi ubat, kesan sampingan, dan cara mengendalikannya adalah antara perkara utama yang perlu disampaikan oleh pegawai farmasi. Pegawai farmasi perlu dilengkapi dengan ilmu terkini untuk memastikan pesakit mendapat maklumat yang tepat dan berkesan, sekaligus membantu dalam mengatasi isu pembaziran ubat.

Menyedari kepentingan perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan, Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi telah mengambil inisiatif dengan menggabungkan beberapa garis panduan sedia ada yang relevan. Inisiatif ini bertujuan untuk menghasilkan satu garis panduan dan rujukan utama yang komprehensif dan berstruktur bagi memastikan kaunseling ubat-ubatan dilaksanakan dengan lebih berkesan. Garis panduan yang digabungkan termasuklah Garis Panduan Kaunseling Ubat-ubatan Edisi ke-3 (2019), Garis Panduan Pelaksanaan Kaunseling Ubat-ubatan Secara Maya/Virtual (2021), *Topical Preparations Counselling Guide for Pharmacists* (2018), serta Garis Panduan Kaunseling Methadone.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung kepada penerbitan garis panduan ini. Adalah diharapkan bahawa penerbitan garis panduan ini akan dapat membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan farmasi di seluruh negara. Semoga ia dijadikan panduan kepada semua ahli farmasi dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkesan kepada pesakit.

Wan Noraimi binti Wan Ibrahim
Pengarah
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

SIDANG EDITORIAL

PENASIHAT

Wan Noraimi binti Wan Ibrahim
Pengarah
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Syahida binti Che Embi
Timbalan Pengarah
Cawangan Penjagaan Farmaseutikal
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

EDITOR

Dr. Aliza binti Alias
Ketua Seksyen Klinikal
Cawangan Penjagaan Farmaseutikal
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Chuah Sim Mei
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Cawangan Penjagaan Farmaseutikal
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Wong Wu Ching
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Cawangan Penjagaan Farmaseutikal
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Nurish Ezzantie binti Mishan
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Cawangan Penjagaan Farmaseutikal
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI NAMA PENYUMBANG MENGIKUT SUSUNAN ABJAD

Adibah binti Abdullah
Affarizan bin Sidek
Ahmad Ayzat bin Ahmad Jaffar
Ahmad Fawwazzudin bin Rozaki
Ahmad Ridza bin Ahmad Nizam
Ahmad Ridzuan bin Mohd Hajazi
Ahmad Tarmidzi bin Mohamed
Ahtheemathurra a/p Ballasingam
Ainun Munira binti Ahmad
Albert Ting Siong Hung
Alyaa Madihah binti Ahmad Tamezi
Amalina binti Ahmad Nordin
Anis Wahida binti Abd Wahid
Anith binti A. Aziz
Anitha Ramadas
Arifah Nadiah binti Ahmad
Ashley Kek Lih Ching
Aw Sook Fuan
Azleen Azreen binti Azmi
Balamurugan a/l Supparamaniam
Balvinder Kaur a/p Latchman Singh
Benjamin Loh Chuan Ching
Chai Wei Nee
Chan Pooi Yee
Chan Sze Min
Chan Yoke Khuan
Cheah Meng Fei
Chee Yun Lee
Chelfi Chua Zhi Fei
Cheng Yew Chong
Chia Peng Keng
Chia Pooi Yin
Chong Chia Chee
Chong Li Yin
Choong Lai Yuan
Chow Li Wei
Manjulaa Devi a/p Subramaniam
Maryam Asiah binti Radzuan
Marziaty Shazreena binti Mohd Shah
Mazura binti Ishak
Melinda Kwan See Kee
Merina Aw Kar Ling
Mohd Farizh bin Che Pa
Mohd Nazri bin Dazali
Muhammad Abu Bakar bin Mohd Hanafi
Muhammad Azize bin Jantan
Nabilah binti Mohd Shohaime
Nadia Shahirah binti Mohamed Asri
Najwa binti Baharom
Neo Wen Ting
Ng Sin Ye
Ngu Sing Jiat
Ngua Ching Zin
Nirmala a/p Jagan
Noor Hamizah binti Sabki
Noor Ilani binti Abdul Halim
Noorul Aimi binti Daud
Nor Akila binti Mahmood
Norafidah binti Idris
Norhafiza binti Ismail @ Abdul Rashid
Nur Aliah binti Selamat
Nur Diniah binti Shaharum
Nur Faezah binti Abd Karim
Nur Hazalina binti Md. Salleh
Nur Izzati binti Kamal Roslan
Nur Shafiza binti Pingi
Nur Syazana binti Ahmad
Nuratikah binti M Nordin
Nurhayati binti Abd Samad
Nurniza binti Nisbar
Nursarahayati binti Adnan
Nurul Hidayah binti Awang

Chu Ee Wern
Cynthia Ang Bee Li
Doreen Kiu Kher Lee
Dr. Hadijah binti Mohd Taib
Dr. Jaya Muneswarao a/l Ramadoo @ Devudu
Dr. Navin Kumar a/l Loganadan @ Loganathan
Dr. Nazedah binti Ain @ Ibrahim
Dr. Rahela Ambaras Khan
Dr. Sahimi binti Mohamed
Dr. Shamala Ayadurai
Dr. Siti Hir Huraizah binti Md Tahir
Dr. Syamhanin binti Adnan
Eng May Fern
Eshwari a/p Gunasegaran
Farrah Suraya binti Kamarudin
Fatin Farhanah binti Jamil
Fatin Nor Atikah binti Othman
Fatin Nurathirah binti Hasmat
Fatin Nur'Atikah binti Mohammad Firdaus Vasu
Felicia Loh Yuan Ye
Fiona Tong Hui Ling
Fong Chui Wei
Fong Suh Chen
Gan Jia Hui
Gan Wei Shan
Goh Pei Ni
Han Ser Li
Hanan Hayati binti Mamat
Haniff bin Mohd Nawi
Huan Wen Sze
Intan Shafiza binti Romli
Izyan Nadiah binti Hashim
James Lee Hui-Ying
Jason Kam Lye Hin
Jason Wong Soon Keong
Jenny Tan Yee Chen
Jivanraj a/l Nagarajah
Nurul Intan Diana binti Zolkiffli
Nurul Nabilah Husna binti Zunaidi
Nurul Sahida binti Rani
Nurul Sahida binti Rani
Nurul Shafaril Niza binti Mohd Akhir
Nurul Zati Syaida binti Abdul Mujib
Nurulhayati binti Abd Jamal
Nurulhusna Syuhaidah binti Yusof
Ong Peng Seng
Ong Poh Hooi
Ong Zee Yun
Ooi Kiat Lay
Ooi Soon Choo
Oon Hong Ying (Esca)
Pang Zyu Wenn
Parimala Vijai Indrian
Pavithira a/p Subramaniam
Preethi Raghavan
Prita Nambbiar
Rajesweran a/l Ramalingam
Ruwaida Nur binti Zainol Abidin
Seow Cui Jiun
Shamini a/p Balakrishnan
Shamini a/p Rama
Shantini a/p Radhakrishnan
Sharifah Nadia binti Syed Mohammad Salleh
Sharini binti Sha'ari
Sim Chin Yee
Sim Poh Ping
Siow Chee Chen
Siti Mahanim binti Shaik Ismail
Siti Mallissa binti Mohd Shariff
Siti Mariam binti Jusoh
Siti Nadiah binti Abd Rahim
Siti Norhajariah binti Julaihi
Siti Nur Aziela binti Ab Manap
Siti Nur Sharida binti Abd. Kadir

Kam Sin Yoo
Karen Wee Lee Fang
Khairunnisa binti Zamri
Khoo Lee Phei
Khoo Ming-Yi
Khor Hui Ming
Khor Lian Fen
Khor Min Hui
Kirrthana a/p Kanagarajah
Koo Teng Wai
Kwan Ee Wei
Lai Qian Xin
Larry Lee Lian Seng
Lau Hui Shan
Lau Yee Sian
Lee Ai Ling
Lee Jia Ting
Lee Mei Wah
Lee Sai Hong
Lee See Theng
Lee Shi Qi
Lee Wai Han
Leong Hoon Hing
Lim Chian Khie
Lim Ern Sze
Lim Lay Sin
Lim Ming Jie
Lim Suat Hun
Ling Corrinne
Liyana Hamiza binti Abdul Karim
Loo Yew Win
Low Lee Fern
Lukman Nul Hakim bin Md. Khairi
Soliha binti Zainal Abidin
Suriani binti Majid
Syafawati binti Ghazali
Syazana binti Dzulkifli
Tan Hooi Hoon
Tan Kean Kwong
Tan Lee Khing
Tan Pei Li
Tan Sin Yee
Tan Sze Ling
Tan Yee Mun
Tang Jiaa Yinn
Tay Ee Fen
Tengku Nur Izzati binti Tengku Abd Kadir
Thanujah a/p Kaisbain
Toh Kit Yeng
Toh Yi Siang
Tuan Norhafiza binti Tuan Mat
Ummi Kalsum Lambak
Violet Eng Wei Lerk
Wan Fatin Liyana binti Wan Mohamad
Wan Maisarah binti Wan Ahmad Kamal
Wan Najiah binti Wan Mokhtar
Wan Nurul Huda binti W. Hasan
Wan Ruwaida binti Wan Mokhtar
Wardah binti Mohammad Lamappangan
Wong Ai Wei
Wong E-Jinq
Wong Kar Loon
Wong Shien Woan
Yong Zai Yang
Zulsairi bin Mohd Pauzi

SENARAI KANDUNGAN

1. PENGENALAN 1
2. TUJUAN 2
3. SKOP PERKHIDMATAN 2
4. DEFINISI 2
5. KRITERIA BILIK KAUNSELING YANG DISYORKAN 4
6. PROSEDUR KERJA 5
7. KAUNSELING UBAT-UBATAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (OKU) PENGLIHATAN, PENDENGARAN DAN PERTUTURAN 5
   - **7.1. Kaunseling Ubat-ubatan bagi OKU Pendengaran dan/atau Pertuturan** 6
   - **7.2. Kaunseling Ubat-ubatan bagi OKU Penglihatan** 6
8. DOKUMENTASI & PENGURUSAN REKOD KAUNSELING 8
9. PELAPORAN AKTIVITI KAUNSELING 8
10. PROSES VALIDASI DAN *PEER REVIEW* KEMAHIRAN KAUNSELING UBAT-UBATAN PEGAWAI FARMASI 9
11. LAIN-LAIN: PELUPUSAN UBAT-UBATAN DAN PERALATAN TAJAM 11
   - **11.1. Pelupusan Ubat-ubatan dalam Simpanan Pesakit** 11
   - **11.2. Pelupusan Peralatan Tajam** 12
12. RUJUKAN 13
13. LAMPIRAN 14
   - **Lampiran A: Proses Kerja Perkhidmatan Kaunseling Ubat-ubatan** 14
   - **Lampiran B: Daftar Pesakit Kaunseling Ubat-ubatan** 15
   - **Lampiran C: Borang Kaunseling Ubat-ubatan Pesakit** 16
   - **Lampiran D: Borang Penilaian Kemahiran Kaunseling Pegawai Farmasi** 19

1. PENGENALAN

Kaunseling ubat-ubatan adalah satu proses komunikasi antara ahli farmasi dengan pesakit bagi memastikan penggunaan ubat yang selamat dan berkesan.

Kaunseling yang berkesan dapat meningkatkan kepatuhan pesakit terhadap rawatan, mengurangkan risiko kesan sampingan, serta membantu dalam mencapai hasil terapi yang optimum. Oleh itu, setiap sesi kaunseling perlu disampaikan secara sistematik, mengambil kira keperluan individu pesakit, serta menggunakan bahasa yang mudah difahami.

Setiap anggota farmasi perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan farmakoterapi dan kemahiran berkomunikasi yang baik bagi memastikan aktiviti kaunseling ubat-ubatan ini dapat dijalankan secara efektif sekaligus menyampaikan maklumat dengan berkesan.

Aktiviti ini hendaklah dijalankan berteraskan konsep *individualised* kerana setiap keperluan dan tahap kefahaman pesakit adalah berbeza. Anggota farmasi perlu mempunyai kemahiran untuk mengenalpasti isu atau masalah berkaitan ubat-ubatan yang dihadapi oleh pesakit dan cuba untuk membantu dalam mengatasi masalah tersebut. Ini bagi memastikan pesakit mendapat manfaat yang optimum daripada rawatan yang diberikan. Kaunseling yang dijalankan perlu diubahsuai mengikut keperluan dan tahap pemahaman pesakit.

2. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan am tentang aktiviti kaunseling ubat-ubatan yang dilaksanakan di bawah perkhidmatan farmasi.

3. SKOP PERKHIDMATAN

Garis panduan ini boleh digunapakai untuk perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan kepada semua kategori pesakit seperti di dalam Jadual 1.

Bil.	Kategori Pesakit	Jenis Kaunseling
1	Pesakit Luar	i. Kaunseling individu (baru/susulan) ii. Kaunseling berkumpulan
2	Pesakit Dalam	i. Kaunseling individu • *Bedside* (baru/susulan) • Discaj ii. Kaunseling berkumpulan

Jadual 1: Kategori pesakit dan jenis kaunseling yang boleh dijalankan

4. DEFINISI

4.1. Kaunseling Ubat-ubatan:

Satu proses yang melibatkan komunikasi antara pegawai farmasi dengan pesakit. Tujuan utama kaunseling adalah untuk memberikan maklumat, pendidikan dan panduan berkaitan penggunaan ubat-ubatan merangkumi aspek cara pengambilan ubat dan alat perubatan, kesan sampingan, interaksi ubat, pematuhan kepada regimen, penilaian tahap kefahaman pesakit, penyimpanan, pelupusan ubat, penyakit dan lain-lain yang berkaitan.

4.2. Kaunseling Fizikal:

Kaunseling yang dijalankan secara bersemuka.

4.3. Kaunseling Maya/*Virtual*:

Kaunseling ubat-ubatan yang dijalankan secara langsung (*live*) dan interaktif di antara pesakit dan pegawai farmasi dengan menggunakan alat komunikasi yang bersesuaian seperti telefon pintar dan komputer. Kaunseling maya/*virtual* disarankan untuk dilaksanakan secara bersemuka (panggilan video) terutamanya bagi kaunseling baru.

Pengesahan identiti pesakit seperti nama penuh dan nombor kad pengenalan perlu dilakukan oleh pegawai farmasi sebelum sesi kaunseling dimulakan.

4.4. Kaunseling Baru:

Kaunseling yang dijalankan oleh pegawai farmasi kepada pesakit dan/atau penjaga untuk kali pertama bagi topik kaunseling yang berbeza.

4.5. Kaunseling Susulan:

Kaunseling yang dijalankan oleh pegawai farmasi kepada pesakit dan/atau penjaga lebih dari sekali.

4.6. Kaunseling Individu:

Kaunseling yang dijalankan secara *one-to-one* oleh pegawai farmasi kepada seorang pesakit dan/atau penjaga.

4.7. Kaunseling Berkumpulan:

Kaunseling yang dijalankan oleh pegawai farmasi kepada lebih daripada seorang pesakit dan/atau penjaga dengan topik yang sama.

4.8. Kaunseling *Bedside:*

Kaunseling ubat-ubatan yang dijalankan semasa pesakit berada di dalam wad.

4.9. Kaunseling Discaj:

Kaunseling ubat-ubatan yang dijalankan kepada pesakit semasa discaj, sama ada di wad/Farmasi Pesakit Dalam/Farmasi Pesakit Luar.

4.10. Proses Validasi:

Proses penilaian pengetahuan dan kemahiran asas kaunseling bagi Pegawai Farmasi Provisional (PRP) oleh pegawai farmasi yang dilantik sebelum mereka ditugaskan untuk memberi kaunseling ubat-ubatan.

4.11. *Peer Review*:

Proses penilaian kemahiran kaunseling pegawai farmasi oleh pegawai farmasi lain yang dilantik.

5. KRITERIA BILIK KAUNSELING YANG DISYORKAN

Asas keperluan dan kemudahan bilik kaunseling di fasiliti adalah seperti berikut:

i. Sekurang-kurangnya mempunyai satu bilik atau ruang kaunseling yang khas dan boleh disusun atur untuk keperluan perkhidmatan kaunseling individu atau berkumpulan.
ii. Bilik atau ruang kaunseling yang disediakan perlu mempunyai ruang privasi kepada pesakit serta menjamin keselamatan anggota farmasi.
iii. Bilik atau ruang kaunseling adalah mudah diakses dan mesra kepada pesakit kurang upaya dan warga emas.

6. PROSEDUR KERJA

Prosedur kerja berikut (seperti di **Lampiran A**) merangkumi kaunseling yang dijalankan kepada pesakit luar dan pesakit dalam.

i. Terima rujukan atau kenalpasti pesakit yang memerlukan kaunseling ubat-ubatan.
ii. Semak preskripsi ubat atau surat rujukan untuk proses kaunseling. Jika preskripsi bermasalah, lakukan intervensi dengan pegawai perubatan.
iii. Jalankan kaunseling secara fizikal atau maya/*virtual*.
iv. Nilai tahap kefahaman pesakit. Jika pesakit tidak faham, ulang sesi kaunseling semula secara fizikal atau maya/*virtual*.
v. Rekod kaunseling dan kemaskini Daftar Pesakit Kaunseling.
vi. Nilai keperluan kaunseling susulan.
vii. Isi Nota Rujukan Pesakit jika memerlukan kaunseling susulan.
viii. Jadualkan sesi janji temu susulan (sekiranya ada).

Maklumkan kepada pesakit untuk menghubungi Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan/National Pharmacy Call Centre (NPCC) di talian bebas tol 1-800-88-6722 atau fasiliti rawatan sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan ubat-ubatan.

7. KAUNSELING UBAT-UBATAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (OKU) PENGLIHATAN, PENDENGARAN DAN PERTUTURAN

Menurut Akta 685 (Akta Orang Kurang Upaya 2008):

> "Orang Kurang Upaya" termasuk mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat.

Kategori OKU yang terlibat di dalam perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan adalah seperti:

i. OKU Pendengaran dan/atau Pertuturan
ii. OKU Penglihatan

7.1. Kaunseling Ubat-ubatan bagi OKU Pendengaran dan/atau Pertuturan

Sesi kaunseling ubat-ubatan bagi pesakit OKU Pendengaran dan Pertuturan boleh dilaksanakan melalui salah satu kaedah berikut (mengikut susunan keutamaan):

i. Dengan kehadiran penjaga, atau
ii. Melalui Jurubahasa Bahasa Isyarat Malaysia (BIM), atau
iii. Oleh pegawai farmasi yang boleh berkomunikasi dalam BIM.

Rujuk laman sesawang Persekutuan Orang Pekak Malaysia (*Malaysian Federation of the Deaf*) sebagai panduan di pautan berikut: https://www.bimsignbank.org/groups/conversation

Maklumkan kepada pesakit untuk menghubungi *Drug Information for Deaf Community*, DIDCOM melalui aplikasi WhatsApp di talian 012-6580627 sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan ubat-ubatan.

7.2. Kaunseling Ubat-ubatan bagi OKU Penglihatan

Sesi kaunseling ubat-ubatan bagi pesakit OKU Penglihatan digalakkan untuk dilaksanakan bersama-sama pesakit dan penjaga sekiranya ada.

Dapatkan keizinan pesakit sebelum menghulurkan bantuan. Jangan pegang mana-mana bahagian badan pesakit (dan juga tongkatnya) tanpa keizinan. Hormati sekiranya pesakit menolak bantuan.

Bagi pesakit OKU Penglihatan, label ubat mesra OKU Penglihatan perlu dibekalkan. Label ubat mesra OKU Penglihatan ini boleh berupa label braille atau kod QR yang mengandungi arahan pengambilan ubat.

Pastikan bahawa pesakit benar-benar mampu membaca braille sebelum membekalkan pesakit dengan label ubat braille. Maklumat lanjut mengenai label ubat braille boleh didapati di portal farmasi intranet di pautan berikut:
https://i.pharmacy.gov.my/repo/27322/documents

Sesi kaunseling boleh dijalankan seperti berikut:

i. Pastikan label ubat mesra OKU yang ditampal pada sampul ubat adalah tepat.
ii. Minta pesakit untuk membaca label ubat braille atau mengimbas kod QR kesemua label ubat mesra OKU yang telah dibekalkan bagi mengesahkan tahap kefahaman mereka.
iii. Sesi kaunseling perlu dilaksanakan secara deskriptif termasuk huraian rupa bentuk ubat melalui deria sentuhan pesakit.
iv. Bagi pesakit yang menerima ubat dalam bentuk dosej cecair, tawarkan pembungkusan semula ubat cecair tersebut dalam bentuk unit dos. Bekal alat penyukat yang bersesuaian (contohnya, cawan penyukat atau picagari) untuk menyukat dos ubat sekiranya perlu.
v. Selain itu, pesakit digalakkan untuk memuat turun aplikasi teks-ke-ucapan (*text-to-speech apps*) bagi membantu dalam pembacaan label ubat.
vi. Alternatif atau kreativiti lain yang boleh digunakan adalah seperti penanda taktil (contohnya, penggunaan gelang getah atau dawai kokot) sebagai maklumat tambahan.

8. DOKUMENTASI & PENGURUSAN REKOD KAUNSELING

8.1. Daftar Pesakit Kaunseling Ubat-ubatan

Daftar Pesakit Kaunseling Ubat-ubatan adalah rekod senarai nama pesakit yang telah menerima perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan di fasiliti secara manual atau menggunakan sistem. Contoh perekodan secara manual boleh dirujuk pada **Lampiran B**: Daftar Pesakit Kaunseling Ubat-ubatan.

8.2. Borang Kaunseling

Setiap aktiviti kaunseling yang dijalankan hendaklah direkodkan dengan lengkap dan contoh perekodan boleh dirujuk pada **Lampiran C**: Borang Kaunseling Ubat-ubatan Pesakit.

8.3. Pengurusan Rekod Kaunseling

i. Penyimpanan rekod pesakit sama ada dalam bentuk *hardcopy* atau *softcopy* secara teratur dan sistematik dapat memudahkan proses pengesanan semula maklumat pesakit apabila diperlukan.

ii. Tempoh simpanan rekod kaunseling di fasiliti disarankan sekurang-kurangnya dua (2) tahun.

9. PELAPORAN AKTIVITI KAUNSELING

Aktiviti perkhidmatan kaunseling yang dijalankan di hospital atau klinik kesihatan KKM perlu dipantau dan dilaporkan kepada Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi, KKM mengikut keperluan semasa dan jadual pelaporan yang telah ditetapkan. Contoh pemantauan yang perlu dilaporkan adalah seperti pelaporan Pengurusan Farmasi (PF), Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan lain-lain yang berkaitan.

10. PROSES VALIDASI DAN *PEER REVIEW* KEMAHIRAN KAUNSELING UBAT-UBATAN PEGAWAI FARMASI

10.1. Tujuan

Proses validasi dan *peer review* adalah proses penilaian kompetensi dalam pengetahuan dan kemahiran kaunseling ubat-ubatan. Ini bagi memastikan maklumat yang disampaikan adalah tepat, terkini dan seragam. Pemilihan topik adalah berdasarkan keperluan perkhidmatan yang ditawarkan di fasiliti.

Proses validasi perlu dilengkapkan dalam masa dua (2) bulan selepas tarikh melapor diri.

Peer review perlu dilakukan kepada semua pegawai farmasi sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun.

10.2. Kriteria dan Tanggungjawab Pegawai Penyelaras dan *Reviewer*

Kriteria dan tanggungjawab pegawai penyelaras dan *reviewer* adalah seperti Jadual 2 di bawah.

Perkara	Pegawai Penyelaras	*Reviewer*
Kriteria	Sekurang-kurangnya pegawai farmasi dengan gred UF13. Gred yang lebih rendah boleh dilantik dengan justifikasi yang munasabah.	Pegawai yang terlibat secara langsung dalam sesuatu bidang kepakaran sekurang-kurang dua (2) tahun, contohnya MTAC, kaunseling atau farmasi wad.

Perkara	Pegawai Penyelaras	*Reviewer*
Tanggungjawab	Menyelaras dan merancang proses validasi dan *peer review* kemahiran kaunseling.	Menjalankan proses validasi dan *peer review* *kemahiran* kaunseling.
Tempoh Lantikan	Lantikan oleh Ketua Jabatan Farmasi/Pegawai Farmasi Kesihatan untuk tempoh sekurang-kurangnya dua (2) tahun.	

Jadual 2: Kriteria dan Tanggungjawab

Pegawai Penyelaras boleh dilantik sebagai *reviewer*. *Reviewer* juga perlu menjalani proses *peer review* bagi memastikan kualiti dan ketelusan dalam penilaian. Proses ini boleh dilaksanakan secara silang antara *reviewer* yang dilantik.

Kaedah pelaksanaan proses validasi dan *peer review* kaunseling ubat-ubatan menggunakan Borang Penilaian Kemahiran Kaunseling Pegawai Farmasi (**Lampiran D**) boleh dilaksanakan secara:

i. Sesi individu: Dijalankan secara *one-to-one* yang melibatkan seorang pegawai farmasi/PRP dan *reviewer*.
ii. Sesi berkumpulan: Dijalankan secara berkumpulan di dalam bengkel, kursus, perbincangan kumpulan dan sesi pembelajaran berterusan sama ada di peringkat unit, fasiliti, daerah atau negeri.

Bukti pelaksanaan setiap sesi validasi dan *peer review* perlu direkodkan dan disimpan secara sistematik dan mudah dikesan sekurang-kurangnya bagi tempoh dua (2) tahun dari tarikh pelaksanaan. Contoh bukti pelaksanaan adalah seperti senarai kehadiran atau Borang Penilaian Kemahiran Kaunseling Pegawai Farmasi. Semua

dokumen sokongan hendaklah disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab sebagai bukti pelaksanaan aktiviti.

11. LAIN-LAIN: PELUPUSAN UBAT-UBATAN DAN PERALATAN TAJAM

11.1. Pelupusan Ubat-ubatan dalam Simpanan Pesakit

Pelupusan ubat-ubatan dalam simpanan pesakit adalah penting bagi menjamin keselamatan serta kelestarian alam sekitar. MyMediSAFE merupakan sebuah inisiatif yang memberi fokus kepada pelupusan ubat-ubatan dalam simpanan pesakit dengan cara yang betul dan selamat. Inisiatif ini dilaksanakan secara kolaborasi dengan pelbagai rakan strategik dari sektor awam dan swasta, meliputi fasiliti kesihatan, farmasi komuniti serta industri farmaseutikal. Inisiatif ini adalah sangat penting kerana kaedah pelupusan yang salah akan mengakibatkan kesan negatif, bukan sahaja kepada manusia, bahkan kepada alam sekitar. Kesan pembuangan ubat-ubatan bersama-sama sisa domestik, ke dalam tandas atau sinki di rumah, ataupun secara langsung ke dalam sistem pengaliran, boleh meninggalkan sisa farmaseutikal di dalam sumber air seperti sungai, tasik, kolam dan laut.

Langkah-langkah pelupusan ubat-ubatan melalui Program MyMedisafe:

i. Semak ubat dalam simpanan secara berkala dan asingkan ubat yang telah rosak, melepasi tarikh luput atau tidak digunakan lagi.
ii. Hapuskan label keselamatan hologram FarmaTag™ dan maklumat peribadi pada sampul atau pek pembungkusan ubat.
iii. Bungkuskan ubat dalam bekas yang bersesuaian. Ubat-ubatan tidak perlu dikeluarkan daripada bekas asal.
iv. Bawa ubat tersebut ke lokasi rakan MyMediSAFE terpilih yang berhampiran untuk dilupuskan secara betul dan selamat. Lokasi

pusat pengumpulan MyMediSAFE boleh dikenalpasti dengan melayari laman sesawang www.mymedisafe.org.my.

v. Imbas kod QR yang terdapat pada bin pengumpulan ubat dan jawab soalan tinjauan bagi membantu penambahbaikan Program MyMediSAFE.

vi. Maklumkan juga kepada pesakit tentang polisi pelaksanaan MyMediSAFE adalah bergantung kepada pusat pengumpulan ubat yang terlibat.

11.2. Pelupusan Peralatan Tajam

Peralatan tajam adalah peralatan yang digunakan dalam perawatan pesakit seperti picagari dan jarum untuk suntikan insulin, ubat suntikan antikoagulan (contoh: Fondaparinux dan Enoxaparin) serta ubat-ubatan lain yang melibatkan alat tajam.

Langkah-langkah pelupusan peralatan tajam adalah seperti berikut:

i. Masukkan peralatan tajam yang telah digunakan, rosak, luput dan tidak digunakan lagi ke dalam bekas tahan tusukan (*puncture proof*) dan mempunyai penutup. Rujuk Jadual 3 untuk contoh bekas tahan tusukan.

ii. Label bekas tersebut dengan 'Tajam-Jangan Kitar Semula'.

Contoh Bekas Tahan Tusukan	Jenis Bekas Yang Perlu Dielakkan
• Plastik *heavy duty* (contoh: botol detergen) • Tin besi (bukan aluminium)	• Bekas plastik yang lembut (seperti botol air mineral) • Bekas kaca • Tin aluminium • Bekas yang dibuat daripada kertas

Jadual 3: Contoh bekas tahan tusukan dan jenis bekas yang perlu dielakkan

iii. Kembalikan bekas yang mempunyai peralatan tajam untuk dilupuskan dan lengkap dilabelkan ke fasiliti kesihatan awam untuk pelupusan.

Peringatan:

i. Pastikan bekas tidak dibuang ke dalam tong sampah biasa.
ii. Pastikan bekas tidak dibuang ke dalam tong kitar semula.
iii. Pastikan bekas tersebut dijauhkan dari capaian kanak-kanak.

12. RUJUKAN

1. MyMedisafe. MyMedisafe [Internet]. [cited 2025 Jan 21].
   Available from: https://www.mymedisafe.org.my

2. U.S. Food and Drug Administration. Safe sharps disposal [Internet]. [cited 2025 Jan 21].
   Available from: https://www.fda.gov/safesharpsdisposal

Lampiran A: Proses Kerja Perkhidmatan Kaunseling Ubat-ubatan



Lampiran B: Daftar Pesakit Kaunseling Ubat-ubatan

Hospital/Klinik Kesihatan _____

BIL.	TARIKH	NAMA PESAKIT	NO. RUJUKAN (KAD PENGENALAN/ NO. DAFTAR)	TOPIK KAUNSELING	JENIS KAUNSELING*								TARIKH TEMUJANJI KAUNSELING SUSULAN*	NAMA PEGAWAI FARMASI	CATATAN**
					I	K	B	D	N	S	F	M			
JUMLAH															

*Jenis Kaunseling: I – Individu; K – Berkumpulan; B – *Bedside*; D – Discaj; N – Baru; S – Susulan; F – Fizikal; M – Maya/*Virtual*
**No. telefon pesakit, aplikasi yang digunakan untuk kaunseling maya/*virtual* dan lain-lain yang berkaitan.

Lampiran C: Borang Kaunseling Ubat-ubatan Pesakit

Hospital/Klinik kesihatan _____

1. Jenis Kaunseling

Individu		*Bedside*		Baru	
Berkumpulan		*Discaj*		Susulan	

Tarikh:

2. Tujuan Kaunseling

Ubat-ubatan		Penyakit		Lain-lain (Nyatakan)
Alat ubatan		Penilaian kepatuhan		_____

3. Maklumat Pesakit (Demografik)

Bil.	Nama	No. rujukan	Jantina (L/P)	Bangsa (M/C/I/O)	Tinggi/ Berat	BMI
1						
2						
3						
4						
5						
6						
7						
8						
9						
10						
Catatan: L - Lelaki; P - Perempuan; M - Melayu; C - Cina; I - India; O - Lain-lain						

4. Maklumat Pesakit (Sejarah Penyakit dan lain-lain)

Bil.	Diagnosis	Sejarah penyakit	Alergi ubat		Merokok		Alkohol		Mengan-dung		Menyusu		OTC	
			Y	T	Y	T	Y	T	Y	T	Y	T	Y	T
1														
2														
3														
4														
5														
6														
7														
8														
9														
10														
Isi maklumat mengikut turutan seperti di Maklumat Pesakit (Demografik) Catatan: Y - Ya; T - Tidak														

5. Senarai Ubat Terkini dan OTC (Untuk kaunseling individu sahaja)

Bil.	Nama Ubat	Dos	Frekuensi	Catatan (jika ada)
1				
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				
9				
10				

6. Penilaian Tahap Kepatuhan Ubat-ubatan dan Kefahaman Pesakit

Bil.	Tahap Kepatuhan		Tahap Kefahaman (DFIT)
	Baik	Lemah	
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			
9			
10			
Isi maklumat mengikut turutan seperti di Maklumat Pesakit (Demografik)			

7. Ulasan Pegawai Farmasi

Kaunseling Susulan	Tidak		Ya		Tarikh Temujanji	
MTAC	Tidak		Ya		Jenis MTAC & Tarikh Temu Janji	

Tandatangan: **Tarikh:**

(Nama & Cop Pegawai Farmasi/PRP)

Lampiran D: Borang Penilaian Kemahiran Kaunseling Pegawai Farmasi

Borang Penilaian Kemahiran Kaunseling Pegawai Farmasi adalah bahan rujukan yang boleh digunakan untuk proses penilaian semasa validasi dan *peer review* kemahiran kaunseling ubat-ubatan. Borang ini dimuat naik secara berasingan di laman sesawang www.pharmacy.gov.my.

Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Lot 36, Jalan Profesor Diraja Ungku Aziz,
46200 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia
Tel: 603-7841 3200
Laman Sesawang: www.pharmacy.gov.my

2025